



FACULTY OF EDUCATION AND ARTS

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) :

---

---

Course Code & Name : **MPU3212 Bahasa Kebangsaan A**  
Semester & Year : January – April 2023  
Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain  
Duration : 2 Hours

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

- This question paper consists of 2 parts:**  
**PART A (30 marks) : 30 multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.**  
**PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa  
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)**
- Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.**
- This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.**
- Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.**

**WARNING:** The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

## BAHAGIAN B

**SOALAN 1** : **SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**

**ARAHAN** : Jawab semua soalan di bawah ini.

---

### PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

#### Petikan (i)

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai kebudayaan tradisional hasil daripada masyarakatnya yang majmuk. Kita patut berbangga dengan kebudayaan kaum sendiri yang mampu mengangkat kita bersama dalam membangunkan negara.

Biarpun dunia semakin moden, namun permainan tradisional ini tidak wajar dilupakan kerana mampu menjadi identiti bangsa Malaysia. Setiap permainan tradisional mengetengahkan peribadi dan personaliti setiap kaum di Malaysia. Misalnya, wau yang melambangkan kesenian kaum Melayu, kabadi melambangkan ketangkasan pergerakan kaum India, dan Xiangqi yang melambangkan kebijaksanaan kaum Cina. Seterusnya, permainan tradisional boleh menjadi produk pelancongan kerana keunikan ciri-cirinya. Contohnya, ukiran gasing dan liuk lentok pemutarnya yang mampu menarik pelancong luar untuk mencubanya sendiri. Permainan tradisional bukan sahaja dapat mengisi masa lapang bahkan juga dapat mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang pelbagai etnik. Rakyat Malaysia boleh berkongsi kemahiran dan budaya mereka melalui kelab-kelab permainan tradisional yang ditubuhkan.

Meskipun era globalisasi menyajikan pelbagai pelbagai elektronik yang canggih, namun sebagai rakyat Malaysia kita perlu mempertahankan permainan tradisional kerana banyak manfaat yang boleh diperoleh daripadanya. Bak kata pepatah, **yang lama dikelek, yang baru dikendong**.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan pepatah '**yang lama dikelek, yang baru dikendong** di atas?  
(2 markah)
2. Berdasarkan petikan di atas, nyatakan **EMPAT (4)** manfaat permainan tradisional?  
(4 markah)
3. Pada pendapat anda, bagaimanakah caranya untuk mempopularkan permainan tradisional? Nyatakan **DUA (2)** sahaja.  
(4 markah)

**Petikan (ii)**

*Baca petikan sajak di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

**Kasih Sepohon Pokok**

**Oleh: Citra Zura**

Sepohon kayu di dalam hutan  
Daunnya merendang sayang  
Pagi hari kausiram dengan pujian  
Petang hari kaubaja dengan kelembutan  
Berbuah lebatlah pohon itu kerana bahagia

Setiap kali kau lelah  
Pohon inilah mendodoimu sedamainya  
Menjemput angin puput memelukmu  
Bergoyanglah keriang kerana kau bersamanya

Setiap kali kau gusar  
Pohon inilah memanggil burung-burung bernyanyi  
Mengisi sunyimu yang keseorangan  
Bergoyanglah kepuasan kerana kau sedang ketawa

Setiap kali kau **hilang dibuai mimpi**  
Pohon inilah yang menyelamatkan tidurmu  
Ular berbisa mati dihempap dahannya  
Bergoyanglah kegembiraan kerana kau tetap lena

Hinggalah suatu masa  
Buahnya ranum gugur mengenai kepalamu  
Kau bangun menghunus kejam  
Kau kelar perutnya berulang kali  
Kau potong nyawanya hingga ke pangkal  
Memang kau hilang akal  
Kerana pabila kau sedar  
Mana lagi tempat untuk kau menumpang teduh?

1. Apakah yang dimaksudkan dengan **hilang dibuai mimpi** berdasarkan petikan sajak di atas?  
(2 markah)
2. Berdasarkan sajak tersebut, nyatakan **DUA (2)** pengajaran yang boleh diambil.  
(2 markah)
3. Pada pendapat anda, nyatakan **DUA (2)** cara melestarikan hutan.  
(4 markah)

## TATABAHASA (20 markah)

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

a) Tulis ayat berdasarkan setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.

- I. terambil (2 markah)
- II. terlanggar (2 markah)
- III. terhebat (2 markah)
- IV. terlewat (2 markah)
- V. terangkat (2 markah)

(10 markah)

b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. Jawapan hendaklah ditulis di kertas jawapan.

1. Semua klab permainan yang baru ditubuhkan tahun ini perlu mengada mesyuarat agung yang pertama pada bulan Mac nanti.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

2. Pada Oktober 2011, Kementerian Pendidikan telah menlancarkan kajian semula sistem pendidikan negara secara menyeluruh dalam usaha membangunkan Plan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang baharu.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

3. Murid pra-sekolah memerlukan pembelajaran secara langsung dan bersemuka bersama guru.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

4. Masharakat majmuk di Malaysia terdiri daripada pelbagai lapisan kaum yang mempunyai kepercayaan, adat resam dan budaya yang sendiri.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

5. Hugh Low dan Frederick Weld telah terdapat permit daripada kerajaan British untuk mengimpot buruh-buruh dari India dan bekerja di ladang-ladang milik mereka di Tanah Melayu.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

(10 markah)

**SOALAN 2 : SOALAN ESEI (30 MARKAH)**

**ARAHAN** : Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

---

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

1. Kanak-kanak didapati kurang menggemari sayur-sayuran dan buah-buahan dalam pemakanan mereka. Terangkan usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh ibu bapa untuk menerapkan amalan pemakanan sihat dalam diri anak-anak.

**ATAU;**

2. Usaha berterusan membantu golongan Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan satu tindakan yang wajar demi membolehkan golongan ini memberikan sumbangan berkesan kepada negara. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang patut dilakukan untuk membantu golongan ini?

**ATAU;**

3. Perniagaan dalam talian menjadi semakin popular selepas pandemik COVID-19. Namun begitu, terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh para peniaga dalam talian, terutama bagi mereka yang baru memulakan perniagaan. Bincangkan.

**(30 markah)**

**SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT**